

Headline	Masalah bekalan tak selesai, tapi tarif air naik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	11	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	375 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,465
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,395



Masalah bekalan tak selesai, tapi tarif air naik

Adakah wajar kerajaan Selangor menaikkan tarif air jika gangguan bekalan air ini masih berlaku sepanjang tahun? Itu persoalan yang berleluh dalam kalangan rakyat Selangor susulan cadangan kerajaan negeri untuk menaikkan tarif air pada pertengahan tahun ini, sedangkan isu gangguan bekalan air seolah-olah tiada penyelesaian.

Bagi penulis, adalah tidak adil rakyat Selangor dibebani dengan kenaikan tarif air, namun perkhidmatan bekalan air masih lagi pada tahap lama. Sebenarnya, rakyat Selangor mengharapkan perkara positif selepas proses penstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri ini berjaya diselesaikan sepenuhnya pada awal Januari lalu.

Bermula tahun ini juga Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) beroperasi sebagai operator tunggal selepas mengambil alih empat syarikat konsesi iaitu Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB), Konsortium ABASS Sdn Bhd



Khairul Azran Hussin

khaiazr@bh.com.my

(ABASS), Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (SP-LASH).

Antara tujuan utama proses penstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air ialah untuk mengembalikan hak air kepada rakyat serta untuk meningkatkan kecepatan perkhidmatan yang lebih mesra rakyat dan responsif. Namun, rakyat Selangor sekaligus dikecewakan apabila isu sama berulang.

Gangguan semakin kerap

Pada 24 April lalu, berlaku gangguan bekalan air hampir 86 jam susulan kerja penambahaikan perkakasan kritikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air

(LRA) Sungai Selangor Fasa 2. Akibatnya sebanyak 620,835 akaun atau 4,143,465 pengguna di 577 kawasan di Shah Alam, Klang, Petaling, Gombak, Kuala Langat dan Kuala Selangor terjejas.

Jika diimbaskan kembali, kerosakan LRA Sungai Selangor Fasa 3 sehingga menjekaskan 563,622 akaun pengguna turut berlaku pada 6 Mac 2018. Malah, pada 9 Oktober tahun sama, kerja menaik taraf LRA Semenyih turut menjekaskan 340,000 akaun pengguna di Kuala Langat, Sepang, Petaling dan Hulu Langat.

Gangguan bekalan air juga berlaku pada 2015, 2016, 2017 dan tahun sebelumnya. Gangguan bekalan air ini bukan berlaku sekali setahun, tetapi sehingga dua atau tiga kali setahun.

Tidak keterlaluan dikatakan gangguan bekalan air dianggap sebagai peristiwa yang menyeksa fizikal dan mental rakyat, terutama penghuni flet dan pangsa-puri, apatah lagi keluarga yang mempunyai anak kecil.

Persoalananya, sampai bila rakyat Selangor hendak menang-

gung derita ini? Cukuplah, rakyat sudah letih dengan isu gangguan bekalan air.

Dahulu kerajaan Selangor atau operator air boleh memberi alasan agak sukar untuk duduk semesta dengan Kerajaan Persekutuan kerana bukan di bawah kerajaan sama, tetapi sekarang ini ia bukan lagi alasan.

Fikirkan langkah alternatif

Sepatutnya kerajaan negeri Selangor dan Air Selangor memikirkan langkah alternatif, antaranya membina beberapa loji air simpanan yang akan diaktifkan jika loji sedia ada rosak, selain mengimbangi kepesatan pembangunan serta kapadatan penduduk Selangor dan Lembah Klang-Ya, mungkin kor untuk membina loji simpanan air sangat tinggi, namun ia akan memberi keuntungan dalam jangka masa panjang.

Mengulas isu kenaikan tarif air di Selangor, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata

kenaikan bil utiliti itu perlu seiring dengan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna.

"Jika bekalan air selalu tiada, sudah tentu ia menyeka pengguna. Semua orang marah jika berlaku gangguan bekalan air. FOMCA setuju tarif air dinaikkan dengan syarat perkhidmatan bekalan air juga perlu berada pada tahap terbaik," katanya.

Hakikatnya, tanyalah kepada siapa pun, isu gangguan bekalan air bukan perkara main-main, ia perkara amat sensitif. Nasihat penulis kepada pemimpin kerajaan dan pembangkang, berhenti menghabiskan masa berdebat di Parlimen sama ada bekalan air terawat selamat diminum atau tidak.

Selesaikanlah isu pokok yang membelenggu rakyat di Selangor terlebih dahulu, sebelum memangsang angan-angan untuk minum air terus daripada paip.

Penulis adalah wartawan Berita Harian, Selangor

Headline	Perhentian bas 'cacat'		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	107,609
Page No	20	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	105 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,075
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,226



Perhentian bas 'cacat'

SAUDARA PENGARANG,

PENDUDUK di sekitar Seksyen 6 dan Seksyen 8, Shah Alam menggesa pihak Majlis Bandar Shah Alam (MBSA) membaiki segera pondok perhentian bas yang tidak sempurna apabila atapnya sudah berbulan-bulan pecah dan tidak dibaiki.

Juga, hanya satu unit lampu yang menyala manakala dua

unit lain tidak berfungsi.

Perhentian bas yang dimaksudkan ini terletak di Persiaran Kayangan, iaitu jalan besar antara Seksyen 6 dengan Seksyen 8.

Penulis juga mendapati banyak lagi pondok perhentian bas di tempat lain tidak berkeadaan baik dan kebanyakan lampu tidak menyala pada waktu malam.

Justeru, Pihak MBSA perlu bertindak segera untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Usaha pemantauan kemudahan awam sepatutnya dilaksanakan lebih kerap demi keselamatan pengguna terutama yang menggunakan pengangkutan awam pada waktu malam.

KAMARUDDIN HASSAN
Seksyen 8, Shah Alam

Headline	ECRL legakan warga Pelabuhan Klang		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	02 May 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	53	ArticleSize	359 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 11,933
Journalist	N/A	PR Value	RM 35,800
Frequency	Daily		



ECRL legakan warga Pelabuhan Klang

► Projek mampu kurangkan kesesakan lori kargo di jalan raya

Pelabuhan Klang

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang disambung semula pelaksanaannya dijangka memberi keselesaan kepada penduduk bandar ini yang sekian lama berdepan masalah kesesakan dan kerusakan infrastruktur akibat lori kontena yang keluar masuk ke bandar berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri, berkata ECRL yang memberi fokus segmen muatan kargo dilihat memberi keselesaan kepada penduduk yang bersesak dengan lori kargo di jalan raya.

Berdasarkan data yang saya peroleh, kira-kira 300 syarikat pengangkutan beroperasi di sini dengan 8,525 lori kontena digunakan untuk mengangkut kargo dari dua pelabuhan besar di sini iaitu Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Utara.

"Dengan kurangnya lori kontena di sini, saya jangka kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara bakal meningkat kerana Pelabuhan Klang mempunyai pelbagai tarikan pelancong termasuk rumah bot, perkampungan nelayan dan Orang Asli di Pulau Indah," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Bulan lalu, kerajaan mengumumkan ECRL akan disambung pada kos lebih rendah susulan pemeterian perjanjian tamba-

han (SA) antara Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan China Communications Construction Company Ltd (CCCC).

Kos pembinaan Fasa 1 dan 2 ECRL kini dikurangkan kepada RM44 bilion, pengurangan RM21.5 bilion daripada kos asalnya RM65.5 bilion.

Jajaran baharu ECRL yang dicadangkan itu merentasi 20 stesen dari Kota Bharu melalui Kuala Terengganu, Kuantan, Mertakab dan diteruskan hingga ke Jelebu, Bangi/Kajang, Putrajaya Sentral serta Pelabuhan Klang.

Sektor menguntungkan

Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan (CEP), Tun Daim Zainuddin berkata, segmen muatan kargo akan muncul sebagai sektor lebih menguntungkan berbanding aliran penumpang menerusi projek ECRL berikutan kelebihan laluan darat memacu transaksi penghantaran serta memendekkan tempoh perjalanan di antara Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Kuantan.

Muatan kargo itu akan menyumbang 70 peratus kepada hasil berbanding aliran penumpang sebanyak 30 peratus

Azmizam berkata, dengan kurangnya lori kontena di kawasan berkenaan, ia dapat menjana kembali ekonomi kawasan itu yang sebelum ini suram kerana banyak perniagaan berpindah ke lokasi lain berikutan kesesakan jalan raya dan kekurangan pelanggan. **BERNAMA**



Projek
ECRL
di sekitar
Bentong
Pahang.

Headline	Moden, selesa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	27	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	269 cm ²
Journalist	Iskandar Shah Mohamed	AdValue	RM 10,597
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,791



Moden, selesa

■ **Hentian Bas Terminal 17 ditutup sejak Disember 2014 kembali beroperasi semalam**

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Shah Alam

Hentian Bas Terminal 17 di sini, kembali dibuka kepada umum bermula semalam.

Terminal yang ditutup sejak Disember 2014 bagi kerja pengubahsuaian itu mula beroperasi tepat jam 12 tengah malam kelmarin.

Ia sekali gus menjadi terminal utama perkhidmatan bas ekspres yang sebelum ini beroperasi di hentian bas sementara di Seksyen 13 di sini.

Uniknya, terminal baharu di Seksyen 17 itu kini antaranya turut dilengkapi sistem tiket berpusat dan paparan skrin informasi destinasi bagi kemudahan

pengguna.

Penumpang, Norasmah Kassim, 32, berkata kemudahan di terminal itu sememangnya jauh lebih moden dan selesa berbanding hentian bas sementara sebelum ini.

“Kini, pembelian tiket dilihat lebih mudah kerana penumpang tidak perlu beratur di kaunter syarikat bas tertentu kerana semuanya sudah diseragamkan kepada satu sistem sama.

“Selain itu, setiap bas akan menunggu dalam kawasan terminal dan penumpang tidak perlu berjalan jauh untuk menaikinya dengan turut dikawal kakitangan bertugas,” katanya ketika ditemui Harian Metro.



Kata ibu kepada dua anak itu, kemudahan paparan skrin me-

ngnai ketibaan dan pelepasan bas turut membantu penumpang untuk mendapatkan maklumat sekali gus mengelakkan berlaku kekeliruan.

“Selain itu, lokasi terminal ini memang sudah sinonim dengan warga Shah Alam sejak sekian lama dan bersyukur ia kembali beroperasi,” katanya yang berrasal dari Bera, Pahang.

Bagi penumpang, Affan Roslan, 28, dia yang bekerja di Kuantan sememangnya sentiasa menggunakan perkhidmatan bas ekspres untuk pulang ke rumah keluarganya di Seksyen 9.

“Sebelum ini, keadaan di hentian Seksyen 13 agak tidak teratur kerana kerusi tidak mencukupi dan juga panas.

“Namun, terminal baharu ini bukan saja selesa malah turut mempunyai kemudahan surau dan medan selera yang lebih baik,” katanya.

ORANG ramai mula menggunakan perkhidmatan di Hentian Bas Terminal 17 yang dibuka, semalam.



Headline	Terminal Bas 17 beroperasi kembali		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	17	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	346 cm ²
Journalist	ASYRAF MUHAMMAD	AdValue	RM 7,335
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,006



Terminal Bas 17 beroperasi kembali

Perkhidmatan bas ekspres kini di terminal baharu

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Selepas melalui kerja-kerja ubah suai sejak beberapa tahun lalu, Terminal Bas Seksyen 17 akhirnya kembali beroperasi secara rasmi bermula semalam.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata terminal tersebut menerima penumpang bas pertama



Mohd Rashidi (enam dari kanan) bergambar bersama penumpang yang tiba di terminal tersebut.

dari Kedah pada jam 11.30 malam semalam dan disambut oleh Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan dan Timbalan Setiausaha MBSA, Noranizam Alias.

Beliau berkata, dengan pembukaan Terminal 17 tersebut, stesen bas sementara di Seksyen 13 akan ditutup secara rasmi bermula semalam.

"Orang ramai yang ingin berurusan bagi menggunakan perkhidmatan bas ekspres boleh terus ke Terminal Bas Seksyen 17," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, semalam.

Mengular mengenai ciri-ciri baru terminal tersebut, Shahrin memaklumkan terminal bas serba moden ini turut dilengkapi dengan sistem tiket berpusat

bagi memudahkan orang ramai menggunakan perkhidmatan ini.

Beliau berkata, sebanyak 10 kaunter tiket bersepadu telah disediakan oleh pihak pengurusan di terminal tersebut.

"Jadi maksudnya di sini adalah penumpang boleh mendapatkan tiket untuk mana-mana syarikat perkhid-

matan bas di 10 kaunter yang disediakan itu dan mereka tidak lagi perlu ke kaunter-kaunter tertentu," katanya.

Selain itu, Shahrin berkata terdapat ruang menunggu yang selesa turut disediakan bagi menempatkan 300 penumpang pada satu-satu masa.

Katanya, terminal ini juga turut dilengkapi dengan empat gerai dan satu kedai serbaneka bagi memberi kemudahan kepada pengunjung yang hadir ke sini.

"Terdapat juga tandas awam, tandas orang kurang upaya (OKU), surau lelaki dan wanita, serta ruangan untuk menukar lampu bayi.

"Malah terminal ini dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) dan ada bilik kawalan sendiri," katanya.

Headline	Air Selangor teruskan inisiatif jimat air di kalangan pelanggan		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	02 May 2019	Circulation	140,000
Section	Selangor & KL	Readership	420,000
Page No	19	ArticleSize	780 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 16,536
Journalist	N/A	PR Value	RM 49,608
Frequency	Daily		



Air Selangor teruskan inisiatif jimat air di kalangan pelanggan

Operator air bekerjasama dengan ADN untuk mendidik pelanggan bahawa air adalah sumber yang berharga yang harus digunakan dengan berhemat

SHAH ALAM

Laporan tahunan Panduan Industri Air Malaysia 2017 (MWIG) menyatakan, purata penggunaan air di Selangor termasuk Kuala Lumpur, pada tahun 2017 adalah sekitar 222 liter per kapita sehari (l/k/h).

Angka berkenaan adalah jauh lebih tinggi daripada penggunaan air yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, iaitu 165 l/k/h.

Sekiranya purata penggunaan air bertambah tahun demi tahun seiring dengan pertambahan jumlah penduduk yang semakin meningkat, kapasiti air terawat sedia ada tidak dapat menampung keperluan pelanggan.

Mengambil kira jumlah penduduk Selangor yang dijangka meningkat kepada 10 juta orang pada tahun 2025, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Unit Konservasi Air bagi memupuk sikap menggunakan air secara berhemat di kalangan pelanggannya.

Air Selangor sebagai operator air pertama di Malaysia yang menubuhkan unit khas ini, telah merangka pelbagai program jimat air bersama pengguna domestik, institusi pendidikan, agensi kerajaan, institusi amal, rumah ibadat dan pertubuhan badan bukan kerajaan.

Baru-baru ini, Air Selangor dengan kerjasama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Sepat, Borhan Aman Shah telah menganjurkan program jimat air bersama kira-kira 200 penduduk Pantai Batu Laut. Rekod penggunaan air di kawasan itu menunjukkan purata penggunaan sebanyak 234 l/kh iaitu satu kadar yang tinggi.

Program itu bertujuan untuk



YB Haj Borhan Aman Shah (tiga dari kanan) bersama penduduk dan warga kerja Air Selangor di Pantai Batu Laut, Tanjung Sepat.

memberi kesedaran kepada penduduk di Pantai Batu Laut tentang penting dan perlunya menjimatkan air bagi menjamin kelestarian bekalan di masa hadapan.

Komitmen penduduk setempat

Penduduk di sini diberikan bidal air secara percuma, iaitu cakra plastik bersaiz syiling 10 sen dengan lima lubang untuk dipasangkan di kepala paip dan pancutan yang sesuai.

Pemasangan bidal air ini boleh mengurangkan aliran air daripada pili, sekali gus dapat mengurangkan penggunaan dan pembaziran air.

Penerangan mengenai cara penggunaan air secara efisien dan risalah berkenaan 'Tips Jimat Air' turut diberikan kepada penduduk pada sesi pembentangan dan soal jawab yang dijalankan.

Penduduk di Pantai Batu Laut,

Abdul Aziz Abas dan Noreha Taikiran yang menghadiri program itu berjanji akan lebih berjimat cermat dari segi penggunaan air setelah mendengar taklimat daripada pihak Air Selangor.

"Kami tidak terfikir bahawa kami boleh menggunakan semula air cucian sayur untuk menyiram pokok bunga. Sekarang, kami akan lebih berhemat dalam penggunaan air," katanya.

Dalam pada itu, penduduk kawasan Tanjung Sepat telah digalakkan untuk memasang dan menggunakan bidet/spray nozzle pada pili-pili air bagi tujuan menyiram pokok dan membasuh kereta. Ini kerana, penggunaan alat jimat air di kawasan ini agak rendah berdasarkan kaji selidik yang dijalankan.

Melalui program ini, penggunaan air di Pantai Batu Laut akan dipantau selama 6 bulan bermula 16 Mac lalu hingga 16 September 2019 melibatkan 1,435 akaun. Air Selangor menyasarkan penjimatkan air sebanyak 1 liter per kapita bagi kesemua pengguna di kawasan ini dalam tempoh 6 bulan pelaksanaan program ini.

Sebelum ini, Air Selangor dengan kerjasama ADUN Bukit Gasing, Rajiv Rishyakaran telah melaksanakan program jimat air di kawasan ini melibatkan 277 akaun.

Pengguna-pengguna di sini telah dibekalkan dengan bidal air dan selepas pemantauan selama 6 bulan, penggunaan air penduduk di kawasan ini telah berjaya diturunkan sebanyak 3 l/kh/iti dari sebelumnya 183 l/kh kepada 180 l/kh, melebihi sasaran 1 l/kh yang ditetapkan.

Singam iaitu salah seorang penduduk di Seksyen 10 yang terlibat dalam pemantauan penggunaan air itu berkata, inisiatif berkeraian adalah usaha baik untuk memberi kesedaran kepada pengguna agar tidak membazir.

"Kami sudah biasa menggunakan air tanpa memikirkan ten-

ang keperluan untuk mengurangkan pembaziran. Bayangkan, air mengalir dengan begitu mudah daripada pili. Tetapi, mulai sekarang saya akan terus berjimat cermat menggunakan air walau pun program pemantauan selama 6 bulan itu sudah tamat. Saya akan teruskan usaha ini," katanya.

Sementara itu, Air Selangor akan meneruskan inisiatif meningkatkan kesedaran jimat air dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh penduduk terlibat.

Menjadi harapan Air Selangor untuk melihat penduduk akan terus menggunakan air secara berhemat dan memupuk sikap mengelak pembaziran agar bekalan air dapat dijamin untuk keperluan generasi akan datang.



YB Rajiv menunjukkan penduduk Seksyen 10, Petaling Jaya bagaimana mengurangkan pembaziran air dengan memasang bidal air.

Headline	Jom beli-belah raya di Kompleks PKNS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	20	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,452
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,356



Jom beli-belah raya di Kompleks PKNS



Fakru Radzi(lima dari kanan) dan Sharom (lapan dari kanan) pada Majlis Pelancaran Festival Ramadan Selangor 2019 kelmarin.

SHAH ALAM - PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) memberi jaminan Festival Ramadan Selangor (Festira 2019) di Kompleks PKNS Shah Alam di sini lebih meriah berbanding sebelum ini dan dijangka mendapat kunjungan mencecah 3.5 juta orang.

Ketua Pegawai Eksekutif PREC, Fakru Radzi Ab Ghani berkata, Festival Ramadan anjuran PREC sudah berlangsung selama tujuh tahun dan mendapat sokongan yang membanggakan.

"Orang sering mengaitkan festival kita sama de-

ngan Jalan Tunku Abdul Rahman, namun sebenarnya festival di sini mempunyai keistimewaan tersendiri.

"Festival Ramadan Selangor 2019 dihadiri ratusan peniaga yang menawarkan pelbagai kelengkapan Hari Raya Aidilfitri seperti variasi pakaian, aneka kuih raya, juadah tradisional dan sebagainya," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Festival Ramadan Selangor 2019 kelmarin.

Mengulas lanjut, Fakru Radzi berkata Festival Ramadan tahun ini dimeriahkan oleh barisan artis ter-

kenal, pertandingan pencarian bilal muda, pertandingan mencanting batik, memasang pelita dan banyak lagi.

Sementara itu, Pengurus Kanan Teknologi Maklumat PKNS, Tuan Haji Sharom Mohin berkata suasana Ramadan di Kompleks PKNS Shah Alam kini lebih selesa selepas sebahagian bangunan sudah diubahsuai menjadi baharu.

"PREC juga mengambil inisiatif untuk menyediakan tempat duduk untuk pengunjung berehat selepas letih membeli-belah.

Headline	Tengku Permaisuri sedia kuih kapit		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	375 cm ²
Journalist	Mohd Izzatul Izuan Tahir	AdValue	RM 7,950
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,850



Tengku Permaisuri sedia kuih kapit



Tengku Permaisuri Norashikin mencemar duli menunjukkan kemahiran menyediakan kuih kapit di Ah Ma House ketika kunjungan rombongan baginda, semalam.

Baginda turut melawat kawasan pelancongan dan PKS

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SEKINCHAN

Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin Abdul Rahman mencemar duli menunjukkan kema-

hiran baginda menyediakan hidangan kuih kapit di Ah Ma House sempena lawatan sehari ke Sekinchan, semalam.

Kebolehan baginda memasak kuih itu turut menarik perhatian tetamu kenaikan dan orang ramai.

Tengku Permaisuri Norashikin turut dibantu pekerja Ah Ma bagi menghasilkan kuih kapit yang menjadi tradisi semasa sambutan perayaan masyarakat Cina.

Baginda turut berkenan merasai pengalaman me-

nyediakan lebih lima kuih tradisional itu menggunakan acuan besi kuih kapit yang kemudiannya dibakar menggunakan arang.

Terdahulu, Tengku Permaisuri Norashikin berangkat bersama kira-kira 20 rombongan terdiri daripada saudara-mara, kenalan dan kakitangan Pejabat Sultan Selangor menaiki bas dari kediaman baginda di Bukit Jelutong, Shah Alam ke Sekinchan.

Rombongan bertolak kira-kira jam 7.30 pagi dan

tiba ke Hotel A Sekinchan jam 9.15 pagi.

Selepas menikmati sarapan di Hotel A Sekinchan, baginda bersama rombongan menuju ke Ah Ma House dan kemudian mengayuh beca berbumbung empat roda sejauh 500 meter dari Tali Air 5 ke kilang memproses padi terbesar Sekinchan, PLS Marketing Sdn Bhd.

Baginda turut melawat beberapa kawasan pelancongan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Sekinchan.

Headline	MPK tawar diskaun 60 peratus		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	33	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	211 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,473
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,419



MPK tawar diskaun 60 peratus

KLANG – Majlis Perbadanan Klang (MPK) mewarkan diskaun 60 peratus kepada pemilik harta yang mengemas kini data maklumat pemilikan harta mereka bermula hari ini sehingga 30 Jun depan.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, Kempen Pengemaskinian Data Maklumat Pemilikan Harta Dalam Kawasan MPK itu bertujuan memudahkan pembayar cukai taksiran mengemas kini maklumat dan urusan pembayaran.

“Pemilik harta yang mengemas kini data dalam tempoh kempen ini mendapat diskaun sebanyak 60 peratus untuk bayaran proses apabila mereka hanya perlu membayar RM20 daripada RM50 untuk setiap permohonan.

“Kempen ini melibatkan kemas kini maklumat pemilikan harta dengan menggunakan Borang I iaitu Notis Jualan atau Pindahmilik merujuk Seksyen 160, Akta Kerajaan Tempatan.

“Borang J pula adalah Notis Pindahmilik Kema-



Kempen ini melibatkan kemas kini maklumat pemilikan harta mereka dengan menggunakan Borang I.”

- Mohamad Yazid

tian merujuk Seksyen 160, Akta Kerajaan Tempatan,” katanya.

Menurutnya, Borang I dan Borang J dan dokumen berkaitan boleh dikemukakan di Lobi Aras Bawah, Bangunan Sultan Alam Shah, MPK dan di Aras 1, Kaunter Bahagian Penilaian, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Mohamad Yasid turut memberitahu, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu berjaya mengutip cukai taksiran sebanyak RM84.9 juta sehingga 20 April lalu berbanding RM83.7 juta bagi tempoh sama tahun lalu.

Katanya, kutipan memabitkan tunggakan dan

cukai tahun lalu.

“Perbezaan kutipan tahun ini meningkat RM4 juta bagi cukai taksiran 1/2019 manakala tunggakan kutipan pula menurun tahun ini sebanyak RM2.8 juta.

“Bagi membantu dan memudahkan penduduk menjelaskan bayaran dan pertanyaan, MPK mengadakan kempen kaunter van bergerak di Pangsapuri Prima Bayu 4 dan 5 Mei serta Giant Jalan Kebun pada 11 dan 12 Mei,” katanya.

Orang ramai boleh mendapatkan bil cukai taksiran di kaunter MPK atau melalui laman sesawang www.mpklang.gov.my.

Headline	Kemudahan untuk kanak-kanak		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	33	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm ²
Journalist	AZIE YAHAYA	AdValue	RM 7,823
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,469



Kemudahan untuk kanak-kanak

Taman permainan bernilai RM20,000 siap akhir tahun

AZIE YAHAYA

PELABUHAN KLANG

Sebuah taman permainan dibina di kawasan Masjid Al-Ubdiah Telok Gong, di sini bagi memberi peluang kepada kanak-kanak terutama kanak-kanak tadika Takis Nurul Iman, Faizah Hasan.

ADUN Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri berkata, taman permainan yang dijangka siap se-penuhnya hujung tahun ini menelan kos kira-kira RM20,000.

"Keputusan membina

taman permainan ini dibuat kerana tiada kemudahan ini untuk kanak-kanak di sini. Selepas berbincang dengan pihak masjid dan pengurusan tadika Takis Al-Iman, saya bersetuju pembinaan taman permainan khas untuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah," katanya selepas merasmikan Majlis Seraha Sumbangan Taman Permainan Kanak-Kanak Takis Nurul Iman, semalam.

Turut hadir, Nazir Masjid Al-Ubdiah, Nordin Bayadi dan Penyelia Takis Nurul Iman, Faizah Hasan.

Menurut beliau, taman permainan yang kini dalam pembinaan itu dilengkapi ciri-ciri keselamatan bagi mengelakkan penggunaannya mengalami kemalangan atau kecederaan.

"Di sekeliling taman permainan ini juga dipasang pagar menghalang anjing liar yang boleh mengancam



Azmizam (kanan) ketika merasmikan Majlis Seraha Sumbangan Taman Permainan Kanak-Kanak Takis Nurul Iman, Telok Gong semalam.

keselamatan kanak-kanak.

"Kita turut memasang papan tanda mengingatkan penduduk terutama ibu bapa bahawa kemudahan ini hanya disediakan khas untuk kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah,"

katanya.

Menurut Azmizam, pembinaan kemudahan itu dalam kawasan masjid juga bagi memberi jaminan supaya sentiasa terjaga dan tidak disalah guna.

"Kita mahu kemudahan

ini dapat digunakan dengan cara yang betul dan dalam tempoh lama kerana bukan senang untuk mendapatkan peruntukan bagi tujuan ini.

"Jadi saya harap penduduk di sini dapat menggunakan dengan ber-

info

Taman permainan dilengkapi ciri-ciri keselamatan bagi mengelakkan kanak-kanak mengalami kemalangan

hemah," katanya.

Tambah Azmizam, beliau kesal kerana banyak kemudahan awam disediakan pihak berkuasa tempatan (PBT) sering menjadi mangsa vandalisme.

"Bukan sahaja taman permainan malah balai raya, dewan dan gelanggang futsal turut menjadi mangsa perbuatan tidak bertanggungjawab ini."

"Keadaan ini sekiranya berlurut pasti menimbulkan kesulitan kepada orang lain kerana kekurangan kemudahan untuk beriadah," katanya.

Headline	Tumpu struktur air Selangor, selamatkan Harimau Malaya		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	8	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	186 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,676
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,028



Tumpu struktur air Selangor, selamatkan Harimau Malaya

KUALA LUMPUR 1 Mei - Penstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air di Selangor dan usaha untuk menyelamatkan Harimau Malaya yang terancam antara perkembangan positif yang dilaksanakan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sepanjang tahun lepas di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Menterinya, Dr. A. Xavier Jayakumar berkata, beliau gembira isu penstruktur semula air yang melibatkan Selangor

dan kerajaan Persekutuan serta syarikat air diselesaikan dengan cepat selepas beliau mengambil alih kementerian.

"Sekarang di Selangor, kita ada pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) yang 100 peratus dimiliki kerajaan negeri Selangor dan berfungsi sebagai operator tunggal perkhidmatan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya kepada pemberita di Putrajaya baru-baru ini mengenai prestasi kementerian satu tahun selepas

PH membentuk kerajaan Persekutuan.

Mengenai isu air tanpa hasil (NRW), beliau berkata, kementerian itu telah bekerjasama dengan agensi lain yang berkaitan untuk memastikan rancangan untuk menurunkannya ke tahap yang boleh diurus dapat dicapai untuk menangani pembaziran dan kehilangan air terawat.



A.XAVIER JAYAKUMAR

Dr. Xavier berkata pada masa ini, NRW di seluruh negara adalah kira-kira 35 peratus dan tumpuananya ialah untuk mengurangkan NRW kepada 31 peratus menjelang akhir Rancangan Malaysia Ke-11.

Kementeriannya turut memberi tumpuan untuk menyelamatkan Harimau Malaya dengan melancarkan Kempen

Selamatkan Harimau Malaya, selama dua tahun bertujuan meningkatkan jumlahnya, yang kini diancam kepupusan iaitu kurang daripada 200 ekor yang hidup di rimba.

"Kami akan meneruskan dengan beberapa program yang dibentangkan untuk tahun ini bagi mendedahkan nasib yang dihadapi Harimau Malaya," katanya sambil menambah ini akan turut merangkumi mendapatkan bantuan daripada kerajaan negeri yang lain. - BERNAMA

Headline	EMHub a boost to Selangor's aspirations		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Property Times	Circulation	36,278
Page No	28	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	322 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,100
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,299



E-COMMERCE

EMHub a boost to Selangor's aspirations

MALAYSIA'S first e-commerce hub (EMHub) located on a 3.8ha site in Kota Damansara could eventually turn Selangor into a global trading hub and SmartCity, says Menteri Besar Amirudin Shari.

He said e-commerce is moving in a big way and Selangor is encouraging corporations to have more setups in the state.

Aside from the infrastructure and e-fulfilment capabilities provided, Selangor Information Technology and E-Commerce Council will facilitate a digital economy ecosystem including a payment gateway, logistics services or online marketplaces, as well as talent development capabilities such as e-commerce classes, accelerator programmes and co-working spaces.

"The EMHub provides facilities to the sellers to have their warehouse, showroom and offices under one roof while operating their business online. We hope it would encourage more opportunities and advancement in a conducive-digital economy ecosystem," said Amirudin at the EMHub ground-breaking ceremony here

last week.

Senior executive councillor and chairman of the Standing Committees for Investment, Industry & Commerce, (small and medium enterprise) Datuk Teng Chang Khim said the state government is committed to turning Selangor into a regional e-commerce hub.

EMHub is a six-storey ramp-up facility located in Persiaran Surian. It will be developed at a cost of RM600 million.

This is a flagship project of SCland Development Sdn Bhd, a subsidiary of Alcom Group Bhd.

According to SCland managing director Datuk Tony Lim, the EMHub will offer a one-stop solution with office suites, showroom and distribution centre facilities as well as retail space.

It also boasts multiple-sized meeting rooms, a rooftop function hall, as well as recreational and lifestyle facilities.

EMHub basically comprises two blocks — Hub 1 and Hub 2 — and they will be fully completed by 2022. Hub 1 has a total of 24-7 retail



(From left) Selangor senior executive councillor and chairman of the Standing Committees for Investment, Industry & Commerce (small and medium enterprise) Datuk Teng Chang Khim, Menteri Besar Amiruddin Shari and Alcom Group Bhd chairman Datuk Seri Subahan Kamal at the ground-breaking ceremony in Kota Damansara recently. PIC BY ROSDAN WAHID

and office units and more than 50 per cent have been sold, said Lim.

"This is proof that there is strong demand for e-commerce facilities," he said.

The units range between 2,196 and 4,014 sq ft, and are priced from RM850,000 to RM3 million.

Lim said Hub 2 will open to the market soon. Alcom chairman Datuk Seri Subahan Kamal

said the EMHub is a highly suitable space for startups or brick-and-mortar small and medium enterprises venturing into e-commerce.

"Supported by high-speed fibre optic broadband, 24/7 security, uninterrupted power supply and more, we have our e-commerce players' needs covered in every aspect," he added.

Sharen Kaur

Headline	AIR SELANGOR CONTINUES INITIATIVES TO RAISE WATER CONSERVATION AWARENESS		
MediaTitle	The Star	Color	Full Color
Date	02 May 2019	Circulation	175,986
Section	Metro	Readership	527,958
Page No	6	ArticleSize	933 cm ²
Language	English	AdValue	RM 47,135
Journalist	N/A	PR Value	RM 141,405
Frequency	Daily		



AIR SELANGOR CONTINUES INITIATIVES TO RAISE WATER CONSERVATION AWARENESS AMONG CUSTOMERS

Water operator collaborates with Assemblymen (ADN) to educate customers that water is a precious resource that should be used sparingly

ACCORDING to Malaysia Water Industry Guide 2017 (MWIG) annual report, the average water consumption in Selangor, including Kuala Lumpur, in 2017 is about 222 litres per capita per day (l/c/d). This figure is much higher than the recommended water usage of 165 l/c/d by World Health Organisation. If the average water consumption continues to rise year after year with the growth in population, the current water capacity produced will not be able to cater to the needs of customers.

Taking into account the population of Selangor which is expected to increase to 10 million people by 2025, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) has taken the initiative to establish a Water Conservation Unit to encourage water conservation among customers.

Air Selangor, the first water supplier in Malaysia to establish this special unit, has outlined various water conservation programmes for customers who fall in the domestic, education, government, charitable institution, place of worship as well as Non-Governmental Organisation (NGO) categories.

Recently, Air Selangor in collaboration with the Assemblyman of Tanjung Sepat, YB Hj Borhan Aman Shah organised a water conservation programme involving about 200 residents of Pantai Batu Laut, Tanjung Sepat. The water usage record in this area shows an average use of 234 l/c/d, which is high.

The objective of this programme is to raise awareness among the residents of Pantai Batu Laut about the importance of conserving water to ensure the sustainability of future water supply.

The residents here were given free water thimbles, a 10 cent coin-sized plastic disc with five holes to be fitted in the faucet and shower heads. The installation of these water thimbles can reduce the flow of water from the faucet, therefore reducing the use and wastage of water. A short presentation on using water sparingly and leaflets on "Water Conservation Tips" were



YB Hj Borhan Aman Shah (third from right) together with residents and Air Selangor staff at Pantai Batu Laut, Tanjung Sepat.

handed out to residents during a Question and Answer session.

Abdul Aziz Abas and Noreha Takiran, residents of Pantai Batu Laut who attended this programme, said they would now use water sparingly after listening to the Air Selangor presentation. "We did not think that we could reuse the water used to wash vegetables to water the plants. From now on, we will be more prudent about our water usage as a family," they said.

The residents of Tanjung Sepat were encouraged to install and use a bidet / spray nozzle in faucets to water plants and wash cars. This is because, based on a survey conducted by the Water Conservation Unit, the use of water-efficient devices in this area is low.

Throughout this programme, the water usage in Pantai Batu Laut will be monitored for 6 months beginning 16 March 2019 to 16 September 2019 involving 1,435 accounts. Air Selangor



YB Rajiv showing a resident of Section 10, Petaling Jaya how to reduce water wastage by installing the thimble.

targets to save 1-litre of water for all users in this district within 6 months of implementing this programme.

Previously, Air Selangor had collaborated with Bukit Gasing Assemblyman, YB Rajiv Rishyakaran to carry out a water conservation programme

with residents in Section 10, Petaling Jaya. This programme was undertaken for 6 months, commencing 11 August 2018 to 11 January 2019, which involved 277 accounts. Customers were given water thimbles and their water usage was monitored for 6 months and water consumption

in the area was reduced by 3 l/c/d from 183 l/c/d to 180 l/c/d, exceeding a set target of 1 l/c/d.

Singam, a resident of Section 10, whose water usage was monitored, said this initiative is a great effort in raising awareness among customers to minimise water wastage. "We are so used to utilising water without thinking about the need to reduce wastage. This is because water flows easily from the faucet. From now on, I will continue to save water even after the end of the monitoring programme for 6 months. Now I am aware and I will continue my efforts," she said.

Air Selangor will continue its initiatives to raise awareness about water conservation and expresses its gratitude for residents' cooperation in the programme. It is hoped that the residents will continue to use water sparingly and avoid wastage so that water supply can be guaranteed for the future generations.

Headline	BORN EXPERT		
MediaTitle	The Sun		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	297,582
Page No	2	Readership	892,746
Language	English	ArticleSize	206 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,287
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,861



BORN EXPERT

... Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin trying her hand at making traditional kuih kapit during her visit to tourist spots in Sekinchan district yesterday. On the right is Ah Ma House owner Kwi Ai Fang.
— BERNAMAPIX



02 May 2019
Makkal Osai, Malaysia

Author: No author available • Section: News • Audience : 28,000 • Page: 6
Printed Size: 206.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 1,348.36 • Item ID: MY0035894553

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BERSAMAAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



மலேசிய எப்.ஏ. கிண்ணப் போட்டி அரையிறுதிச் சுற்றுக்கு கெடா தேர்வு பெற்றது

ஷா ஆலம், மே 2- மலேசிய எப்.ஏ. கிண்ணக் கால்பந்துப் போட்டி முதல் சுற்று கால் இறுதி ஆட்டத்தில் கெடா குழு 3-1 என்ற கோல்கணக்கில் பி.கே.என்.எஸ். கிளப்பை வீழ்த்தியது. ஓர் ஆலம் அரங்கில் நடந்த இந்த ஆட்டத்தில் கெடா குழு அபார ஆட்டத்தை வெளிப்படுத்தியது. முதல் பாதி ஆட்டத்திலேயே கெடா குழு 3 கோல்கண அடித்து தனது ரசிகர்கள் சுற்றாப் படுத்தியது. வரும் சனிக்கிழமை 2ஆவது சுற்று கால் இறுதி ஆட்டம் அலோஸ்டாரில் நடக்கிறது. இந்த ஆட்டத்திலும் கெடாவின் வெற்றி வாய்ப்பு பிரகாசமாக உள்ளது.



தமிழ்ப்பள்ளி மாணவர்களுக்கு பாராட்டு விழா

ஷா.ஆ.ஆலம் ,
மே 2-

சி.லாங்கூர் மாநில தமிழ்ப்பள்ளி களின் 2018 ஆம் ஆண்டு யூ.பி.எஸ்.ஆர். தேர்வில் சிறப்பு தேர்ச்சி பெற்ற மாணவர்களுக்கு கான பாராட்டு விழா வுக்கு அண்மையில் ஏற்பாடு செய்யப்பட்டது.

சிலாங்கூர் மாநில அரசாங்கத்தின் ஆதாரவில் டேவான் ஜூப்ஸி பேரா மண்டபத்தில் ஆட்சிக் குழு உறுப்பினர் வீ.கணபதி ராவ் தலைமையில் நடை பெற்றது. இதனை மாநில மந்திரி புசார் அமிருடன் ஷாரி அதிகாரப் பூர்வமாக தொடக்கி வைத்தார்.

2018 ஆம் ஆண்டு யூ.பி.எஸ்.ஆர்.தேர்வில் சிறப்பு தேர்ச்சி பெற்ற சிலாங்கூரைச் சேர்ந்த 357 மாணவர்களுக்கு பணமுடிப்பும் நற்சான்றிதழும் வழங்கப்பட்டன. மேலும் மாநில அளவில் சிறந்த ஆசிரியர்களாக ஜூவர் தோக்கோ குரு எனும் விருதை பெற்றதுடன் சிம்பாங் லீமா, பூச்சோங் 14 ஆவது மைல், காஜாங் ஆகியவை சிறந்த பள்ளிகளாகவும் தேர்ந்தெடுக்கப்பட்டன.

இதையுடைய யூ.பி.எஸ்.ஆர்.தேர்வில் சிறப்பு தேர்ச்சி பெற்ற



மாணவர்களுக்கான பாராட்டு விழாவில் தமிழ்ப்பள்ளிகளின் தலைமையாசிரியர்கள், பள்ளியின் வாரிய குழுவினர் உட்பட பெற்றோர் ஆசிரியர் சங்க உறுப்பினர்களின் வருகை மனநிறைவேளிப்பதாக உள்ளது என இந்தி யிராமத் தலைவர் ராசேந்திரன் ராசப்பன் கூறினார்.

தமிழ்ப்பள்ளி மாணவர்களின் கல்வி வளர்ச்சியில் நாம் அனைவரும் கருத்து வேறுபாடினர் ஒன்றிணைந்து செயலாற்றினால் மட்டுமே அதற்கான தீர்வு காண முடியும்.

இல்லையேல் ஆக்கப்பூர்வமான நடவடிக்கைகளை மேற்கொள்வதில் சிரமங்களை எதிர்நோக்கக்கூடும்.

இம்முறை டேவான் ஜூப்ஸி பேரா மண்டபத்தில் நடைபெற்ற பாராட்டு விழாவில் வருகையாளர்களின் எண்ணிக்கை அதிகரித்திருந்தாலும் கூட தலைமையாசிரியர்கள் உட்பட

பள்ளி வாரிய குழுவினர் வருகை சுற்று குறைந்தே காணப்பட்டது.

பலவேறு காரணங்களால் ஒரு சிலர் வர இயலாமல் போயிருக்கலாம்.

ஆனால் இது போன்ற நிகழ்ச்சிகள் வழி மட்டுமே தமிழ்ப்பள்ளிகள் எதிர்நோக்கும் பிரச்சினைகள் குறித்து கலந்தாலோசிப்பதற்கான வாய்ப்புகள் உள்ளதையும் அவர் கூட்டிக் காட்டினார்.

இதற்கிடையே சி.லாங்கூர் மாநிலத்தின் இ-காசே, ஐ-குரி உட்பட மத்திய அரசாங்கத்தின் சமூக நல திட்டங்களை தமிழ்ப்பள்ளி பெற்றோர்களிடம் இந்தி யிராமத் தலைவர்கள் கொண்டு சேர்க்கும் பொருட்டு சிலாங்கூர் மாநில தமிழ்ப்பள்ளிகளின் அமைப்பாளர் டேனியல் அமல்டாஸ் உட்பட தலைமையாசிரியர் மன்ற தலைவர் சந்திரன் ரத்தினம் ஆகியோருடனான சந்திப்பை தாம் நடத்தவிருப்பதாக ராசேந்திரன் கூறினார்.



02 May 2019

Malaysian Nanban, Malaysia

Author: No author available • Section: News • Audience : 65,000 • Page: 1,13
Printed Size: 304.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 1,768.73 • Item ID: MY0035893675

PEJARAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3

விடியற்காலையில் பொருட்களை அகற்றுவதா?



கடைக்காரர்கள் கொந்தளிப்பு

(ஆர்.குணா)

பூச்சோங், மே 2-

பூச்சோங் தாமான் பூரி அமான் பகுதியில் வியாபாரம் செய்துவந்த ஐந்து கடைக்காரர்களின் உடைமைகளும் பொருட்களும் விடியற்காலையில் அகற்றப்பட்டது

அநியாயம் என்று வியாபாரிகள் பலத்த ஆட்சேபம் தெரிவித்தனர்.

சுபாங் ஜெயா நகராண்மைக் கழகத்தின் அமலாக்க அதிகாரிகளின் அத்து மீறிய செயல் மட்டுமல்ல இது, மனிதாபிமானமற்ற நடவடிக்கை என்று ரோஸ்விள், ஜோஹாரி, சுரேஷ்

பக்கம் 13



02 May 2019

Malaysian Nanban, Malaysia

Author: No author available • Section: News • Audience : 65,000 • Page: 1,13
Printed Size: 304.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 1,768.73 • Item ID: MY0035893675

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 3, BERSAMAAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3

விழியற்காலையில்...

15ம் பக்கத் தொடர்ச்சி



போன்றவர்கள் தங்களின் மனக் கொதிப்பினை வெளிப்படுத்தினார். நோன்பு மாதம் பிறக்கும் தறுவாயில் இவ்வாறு அமலாக்க அதிகாரிகள் நன்னென்றியின்றி நடந்து கொள்வது முறையா என்று கடைக்காரர்களில் ஒருவர் கண்டனம் தெரிவித்தார். பத்து வருடமாக இங்கு வியாபாரம் நடத்தி வரும் வர்த்தகர்களின் பிழைப்பில் மன.

ஏற்கெனவே மாற்று இடம் வழங்குவது குறித்து பேச்சு வார்த்தை நடத்தப்பட்டது. விரைவில் நல்ல செய்தி வரும் என்று நம்பியிருந்த எங்களை நாட்டாற்றில் விட்டுவிட்டார்கள் என்று கடைக்காரர்கள் ஒருசேர முறையிட்டனர்.

**சமுகங்களுக்கிடையிலான ஒற்றுமையே
நாட்டின் வளர்ச்சியைப் பிரதிபலிக்கும்**



* பிடித், எஸ்பிளம் சோதனைகளில் கிராப்புத் தேர்ச்சி பெற்ற மாணவர்களுக்கு ஊக்குவிப்பு நிதியும் சான்றிதழ்களும் வழங்கப்பட்டதாலோது

(கே.வி.சுதன்)

கிள்ளான், மே 2-
சிலாங்கூர் மாநில
அளவில் ஒவ்வொரு
வருடமும் கொண்டா
டப்பட்டு வரும்
வைசாகி தினிப் பெரு
நாள் கொண்டாட்ட
நிகழ்ச்சியில் கலந்து
கொள்ளப்பர்களின்
எண்ணிக்கை வருடந்



* நிகழ்வில் கலந்து கொண்டவர்கள்

தோறும் அதிகரித்து வருவது
இக்கொண்டாட்ட நிகழ்ச்சிக்கான
ஆதரவு சீக்கிய சமூகத்தினர்
டையே மட்டுமல்லாது பல்லினத்
தவறும் ஆதரவளிக்கும் வகையிலான் அறிகுறியைக் காட்டுவதாக,
தேசியப் பல்லுடைகத் துறை
அமைச்சரும் பூச்சோங்
நாடாளுமன்ற உறுப்பினருமான
கோபின் சிங் மேயோ கூறினார்.

கடந்த ஞாயிற் ரூக்கிழீமை வளாகத்தில் நடைபெற்ற திலாங் கூர் மாநில அளவிலான சீக்கிய சமூகத்தினரின் வைசாகித் திருநாள் கொண்டாட்டத் தலைமை தலைமை தாங்கி சிறப்புறையாற் றிய அவர் இதனைத் தெரிவித் தூர்.

மேற்பட்ட நிகழ்ச்சிக்கு முழு ஆதாரவு அளித்துள்ள மானில முதல் வர் உட்பட கலந்து கொண்ட அனைவருக்கும் நன்றியினைப் புலப்படுத்துவதாகவும் அவர் கூறினார்.

சிலாங்கூரில் வசிக்கும் சீக்கிய
சமூகத்தினரின் மேம்பாட்டு
விவகாரங்களில் மாநில அரசு
தனிக்கவனம் செலுத்தி வருகிறது.

மாநில அளவில் இயங்கி வரும் சீக்கிய வழிபாட்டுத் தலங்களான குருதுவாரா உட்பட அச்சமூகத்தினரின் கல்வி வளர்ச்சிக்கும் மாநிலம் அரசு உதவி வருகிறது. இந்தி வையில், மாநில அளவில் சிறிய எண்ணிக்கையில் இருந்த போதிலும் சீக்கிய சமூகத்தினரின் மேம்பாட்டு விவகாரங்கள் தொடர்பில் மாநில அரசு கொண்டுள்ள உதவும் மனப்பான்மையின் மூலம் நாளைவில் பலம் பொருந்திய ஒரு சமூகமாக சீக்கிய சமூகத்தினர் விளங்க முடியும், என்று அவர் நம்பிக்கை தெரிவித்தார்.

நாட்டின் முன்னேற்றத்திற்கு
நாட்டளவில் சீக்கிய சமூகத்தினரும்
முக்கியப் பங்காற்றி வருகின்றனர்.
குறிப்பாக, நாட்டிலுள்ள பல்வேறு
துறைகளிலும் நிபுணத்துவம்
பெற்ற வர்களாகவும் அவர்கள்
விளங்குகின்றனர். நம் நாட்டில்
வாழ்ந்து வரும் பல்லினத்தவரும்
ஒருவருக்கொருவர் ஒத்துழைப்பு
நல்கி கூட்டுப் பணியாற்றி
வருகின்றனர், என்பது குறிப்பிடத்
தக்கதாகும். இத்தகைய ஒற்றுமை

நம் நாட்டின் வளர்ச்சிக்கும்
மேம்பாட்டிற்கும் முக்கியமாகக்
கருதப்படுகிறது என்று அவர்
சுட்டிக் காட்டினார்.

பலதரப்பட்ட சீக்கிய
பாரம்பரிய உணவு வகைகளுடன்
சிறப்பு நடனங்களும் இடம் பெற்ற
இந்திகழ்வில் கடந்த பிடிக், எஸ்பிளம் சோதனைகளில் தேர்ச்சி
பெற்ற மாணவர்களுக்கு ஊக்கு
விப்பு நிதியுடன் நற்சான்றி
தழ்களும் வழங்கப்பட்டன.
மேலும், நிகழ்வில் மாநில ஆட்சிக்
குழு உறுப்பினர் வீ.கணபதிராவ்,
கிள்ளான் நாடாளுமன்ற
உறுப்பினர் சார்ஸல் சந்தியாகோ,
கிள்ளான் நகராண்மைக் கழகத்
தலைவர் தத்தோ முகமட் யாசிட்
பிடின், சென்டர் கரேஸ் சிங்,
வைசாகித் திருநாள் கொண்டாட்ட
எற்பாட்டாளரும் சுபாங் ஜெயா
கவுன்சிலருமான் மோகன் சிங்
உட்பட வட்டார குருதுவாரா
பிரதிநிதிகளும், இயக்கப்
பொறுப்பாளர்களும் பொது
மக்களும் கலந்து சிறப்பித்தனர்.